



TUN PERAK BENDAHARA TERBILANG



NOTA EFEKTIF

Riwayat Hidup Tun Perak



Biodata Tun Perak	
Nama	Tun Perak
Nama Bapa	Bendahara Seri Wak Raja Tun Perpatih Serdang
Adik- beradik	1. Tun Kudu 2. Tun Perpatih Putih
Jawatan	1. Penghulu Klang 2. Penghulu Bendahari Melaka 3. Bendahara Melaka

- Bapa Tun Perak juga pernah menjadi Bendahara Melaka.
- Kebijaksanaan Tun Perak membawa penduduk Klang termasuk keluarga tentera ke Melaka untuk melawan tentera Siam bagi menaikkan semangat juang dalam kalangan tentera.
- Tun Perak dilantik sebagai Bendahara Melaka oleh Sultan Muzaffar Shah atas kebijaksanaan.
- Dianugerahi gelaran Bendahara Paduka Raja.
- Berkhidmat sebagai bendahara kepada empat orang sultan, iaitu Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah, Sultan Alauddin Riayat Shah dan Sultan Mahmud Shah.
- Meninggal dunia semasa pemerintahan Sultan Mahmud Shah.

Peranan Tun Perak



1. Ketua Pembesar

- Menjalankan tugas sultan apabila sultan gering atau ke luar negara.
- Menjalankan tugas-tugas pentadbiran atas arahan Sultan Melaka.
- Memastikan pelaksanaan undang-undang negeri Melaka dipatuhi.

2. Penasihat Sultan

- Menasihati sultan dalam hal ehwal pemerintahan.
- Menasihati sultan supaya memerintah kerajaan mengikut ajaran Islam.



NOTA EFEKTIF

3. Ketua Diplomat

- Menguruskan hubungan diplomatik dengan kerajaan lain seperti China dan Siam.
- Menyambut kedatangan utusan dari negara luar seperti dari Pasai dan China ke Melaka.
- Menghantar rombongan persahabatan ke Siam.

4. Panglima Tentera

- Tun Perak membantu Sultan Mansur Shah meluaskan empayar Kesultanan Melayu Melaka.
- Tun Perak berjaya mengalahkan Pahang yang ketika itu berada di bawah penguasaan Siam.
- Tun Perak membantu Sultan Pasai yang menghadapi perang saudara.

Kebijaksanaan Tun Perak



1. Pentadbiran

- Tun Perak berjaya mewujudkan kerjasama yang erat antara sultan dengan pembesar dalam pentadbiran.
- Kerjasama ini meluaskan empayar Melaka meliputi Tanah Melayu, pantai timur Sumatera dan Kepulauan Riau-Lingga.

2. Pertahanan

- Tun Perak mengarahkan supaya jamung dipasang pada setiap pokok bakau di sepanjang pantai.
- Tentera Siam membatalkan hasrat untuk menyerang Melaka kerana menyangka ramai tentera Melaka telah bersiap sedia di sepanjang pantai.



3. Diplomatik

- Tun Perak berjaya mengekalkan keamanan dan menjamin keselamatan Melaka daripada ancaman luar.
- Tun Perak menulis surat kepada Raja Siam untuk menjalinkan hubungan persahabatan dan Raja Siam bersetuju.

4. Agama Islam

- Tun Perak merupakan seorang pembesar yang berpegang teguh kepada ajaran Islam.
- Tun Perak menggalakkan kedatangan ulama ke Melaka dan menasihati Sultan.
- Tun Perak menasihati sultan supaya memerintah kerajaan mengikut ajaran agama Islam.

5. Mempertahankan Kesultanan Melayu Melaka

- Kebijaksanaan Tun Perak terbukti apabila beliau mempertahankan Kesultanan Melayu Melaka dalam peristiwa anaknya Tun besar dibunuh oleh Raja Muhammad.
- Tun Perak melarang pengikutnya menuntut bela, sebaliknya meminta mereka supaya setia kepada Sultan Melaka.